

SEKOLAH KEBANGSAAN ULU BENDUL
MINIT MESYUARAT KOKURIKULUM
BIL 1/2013

Tarikh : 18 Disember 2012
Masa : 8.30 pg
Hari : Selasa
Tempat : Bilik Mesyuarat SKUB

Kehadiran

- | | |
|--|-----------------------------------|
| 1. Pn. Norlinda Binti Basiron, GPK KOKO | - Pengerusi |
| 2. Pn. Rizana Binti Jahidin | - SU Kokurikulum |
| 3. Cik Noor Haslina Binti Ramli | - SU Sukan |
| 4. Pn. Sumi Akima Binti Ismail | - SU 1M1S |
| 5. Pn. Asmah Binti Shahrudin | - Penyelaras Pengakap |
| 6. En. Idzwan Noor Bin Shahidan, GPK T&K | - Penyelaras Kelab PEMASA |
| 7. Pn. Habibah Binti Abu Bakar | - Penyelaras KKJR |
| 8. Pn. Suryani Binti Mohd Nor | - Penyelaras KRN |
| 9. Pn. Hasaniah Binti Abd Ghani | - Penyelaras Kelab Futsal |
| 10. Pn. Huzaimah Binti Jarawi | - Penyelaras Kelab Bola Jaring |
| 11. Pn. Rosmawati Binti Harmain | - Penyelaras Kelab Memanah |
| 12. Pn. Zuraidah Binti Maxtar | - Penyelaras |

Tidak hadir dengan kenyataan

1. En. Suhaimi Bin Norazi, Guru Besar
3. Pn. Safinaz Binti Sabari, GPK HEM

1.0 Ucapan aluan pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua guru ke mesyuarat induk kokurikulum kali pertama bagi sesi 2013.

Makluman

2.0 Pengesahan minit mesyuarat bil 3/2012

- | | | |
|-----|-------------------------|--------------------------------|
| 2.1 | Dicadang untuk disahkan | : Cik Noor Haslina Binti Ramli |
| 2.1 | Disokong untuk disahkan | : Pn. Asmah Binti Shahrudin |

3.0 Perkara berbangkit

- | | |
|-------|---|
| 3.1 | Perkara 5.1 - Pembelian target – Kelab Memanah |
| 3.1.1 | Proses pembelian target kecil sebanyak 2 unit akan diusahakan oleh GPK Kokurikulum. |
| | Tindakan: GPK Koko |
| 3.2 | Perkara 5.3 – Pengurusan stor sukan |
| 3.2.1 | Stor sukan telah disusun atur mengikut kategori peralatan dan kegunaan tapi masih dalam proses pelabelan. |
| | Tindakan: SU Sukan |

4.0 Perkara yang dibincangkan

- 4.1 Postmortem Aktiviti Tahun 2012
- 4.1.1 Unit Beruniform – Pengakap
- i) 90% daripada aktiviti yang telah dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya.
- Makluman
- ii) Dua aktiviti lain iaitu membina gadget dan perkhemahan tidak dapat dilaksanakan dan terpaksa ditunda ke tahun hadapan.
- Makluman
- iii) Perkhemahan anjuran PPDKP hanya dapat disertai sekali iaitu di Pusat Perkhemahan Ulu Bendul.
- Makluman
- iv) Bagi cadangan penambahbaikan, penyelaras memohon kerjasama semua guru untuk turut serta dalam aktiviti perkhemahan dan bertugas secara bergilir untuk memantau aktiviti dan keselamatan para peserta.
- Tindakan: GPK Koko

4.1.2 Kelab dan Persatuan

4.1.2.1 Persatuan Sains dan Matematik

- i) Kelab berjaya melaksanakan separuh daripada aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun.

Makluman

- ii) Bagi tujuan penambahbaikan, aktiviti yang akan disusun bagi tahun 2013 perlu lebih interaktif, menarik dan menyeronokkan.

Tindakan: S/U Kelab PEMASA

4.1.2.2 Persatuan Bahasa

- i) Kelab Bahasa mengendalikan aktiviti melibatkan 3 bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan baik tapi tidak secara menyeluruh.

Makluman

- ii) Perancangan takwim bagi tahun 2013 perlu lebih menarik dan terperinci mengikut pembahagian masa yang telah dipersetujui.

Tindakan: S/U Kelab Bahasa

4.1.2.3 Kelab Rukun Negara

- i) Kebanyakan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah berbentuk aktiviti dalam bilik darjah di mana murid lebih tertumpu kepada penulisan, kuiz dan mewarna.

Makluman

- ii) Bagi tahun 2013, murid akan diperkenalkan kepada kemahiran komunikasi secara berkesan termasuk pengucapan awam berkaitan dengan sivik & kewarganegaraan.

Tindakan: S/U KRN

4.1.2.4 Kelab Keselamatan Jalan Raya

- i) Guru penasihat banyak merujuk bahan-bahan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya dan murid amat berminat sentiasa menunjukkan sifat ingin tahu yang tinggi dan teruja setiap kali aktiviti dijalankan.

Makluman

- ii) Dua orang murid telah menyertai program KKJR di Port Dickson.

Makluman

4.1.3 Sukan dan Permainan / 1M1S

4.1.3.1 Kelab Bola Jaring

- i) Terbahagi kepada dua kumpulan iaitu 1M1S dan Elit SKUB.

Makluman

- ii) 1M1S terdiri daripada 15 orang ahli dan telah diperkenalkan kepada teknik asas bola jaring walaupun saiz murid agak kecil dan ketinggian yang tidak mencukupi.

Makluman

4.1.3.2 Kelab Futsal

- i) Aktiviti telah dilaksanakan mengikut takwim kelab dimana ahli kelab diberi pendedahan kepada teknik dan asas sepakan dan tangkapan bola.

Makluman

- ii) Kelab Futsal tidak mempunyai tiang gol dan garisan gelanggang untuk melatih ahli kelab.

Makluman

- iii) Kelab ELIT Futsal bercadang untuk mengetengahkan murid lelaki tahun 6 2013.

Makluman

4.1.3.3 Kelab Olahraga

- i) Aktiviti telah dilaksanakan walaupun tidak sepenuhnya mengikut perancangan takwim murid lebih banyak diberi pendedahan kepada teknik balapan dan kurang fokus kepada acara padang.

Makluman

- ii) ELIT Olahraga telah melakukan satu pencapaian membanggakan dengan pencapaian 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa semasa kejohanan MSSD KP 2012.

Makluman

4.1.3.4 Kelab Bola Baling

- i) Guru kelab mempunyai tahap pengetahuan yang amat sedikit mengenai permainan ini dan tidak dapat melatih murid menggunakan teknik yang sepatutnya.

Makluman

- ii) Kelab memohon untuk mengambil jurulatih luar untuk melatih para pemain bola baling ELIT.

Makluman

4.1.3.5 Kelab Tarian

- i) Peserta tarian Gemersik Tari SKUB telah mewakili Kuala Pilah ke Festival Muzik peringkat negeri di SK Kompleks KLIA dan telah mendapat tempat ke-5.

Makluman

- ii) Penyelaras Gemersik Tari akan cuba mengasah bakat murid bagi menyertai pertandingan Festival Muzik 2013.

Makluman

4.1.3.6 Kelab Memanah

- i) Penyertaan awal adalah seramai 20 orang murid, tapi kini hanya ada 13 orang murid.

Makluman

- ii) Muhammad Nuur Adam, 6 Bukhari telah menyertai latihan secara peribadi di Batu Kikir serta telah membeli set memanah sendiri bernilai RM1500 dan telah berlatih mencapai sasaran sejauh 40m.

Makluman

- iii) Guru Kelab Memanah berharap untuk menghantar Mohamad Hazim Isyraf, Nurin Atiqah dan Muhammad Nuur Adam untuk menyertai kejohanan memanah MSSM kerana mereka telah mempunyai set memanah sendiri.

Makluman

- iv) Guru Kelab Memanah menghadapi masalah mengutip yuran daripada peserta dan menyukarkan pembayaran jurulatih.

Makluman

4.1.3.7 Taekwando

- i) Mohamad Hazim Isyraf, 6 Bukhari telah menyertai banyak kejohanan sepanjang tahun 2013 dan telah merangkul banyak pingat emas, perak dan gangsa.

Makluman

- ii) Penyelaras Kelab Taekwondo berharap agar pelajar ini akan dapat menyertai banyak lagi kejohanan pada tahun 2013 dan mempertingkatkan pencapaian pingat.

Makluman

4.2 Organisasi Kokurikulum 2013

- 4.2.1 Jawatan SU 1M1S akan dipegang oleh Pn. Sumi Akima Binti Ismail.

Makluman

- 4.2.2 Penyelaras Pengakap akan merancang aktiviti bagi tahun 4-6.

Tindakan: Penyelaras Pengakap

- 4.2.3 Senarai murid tahun 3 tidak perlu disertakan sebagai ahli Pengakap kerana peruntukan masa untuk mereka hanya 1 jam seminggu.

Makluman

- 4.2.4 Penyelaras Pengakap memohon khidmat bantu dari luar untuk mengajar teknik ikatan dan pembinaan gadget.

Makluman

- 4.2.5 Nama S/U Sukan akan dikeluarkan daripada rumah sukan kerana beliau akan sibuk sepanjang kejohanan.

Makluman

- 4.2.6 Aktiviti kokurikulum akan dilaksanakan pada hari Rabu, jam 2-5 petang.

Makluman

- 4.2.7 Pembahagian masa adalah seperti berikut:-

a) 2.00-4.00 petang = Unit beruniform/ Kelab & Persatuan

b) 4.00-5.00 petang = 1M1S / Sukan & Permainan

Makluman

4.2.8 Aktiviti sukan ELIT 1M1S

- a) Isnin - Bola Jaring (5.00 – 6.00 ptg)
- b) Selasa - Bola Baling (5.00-6.00ptg), Olahraga (7.10 – 7.40 pagi)
- c) Khamis - Olahraga (7.10 – 7.40 pagi)
- d) Jumaat - Memanah (4.30 -6.30 ptg)

Makluman

4.2.9 Semua guru hendaklah hadir mengikut jadual yang telah ditetapkan. Guru perlu menanda tangan borang kehadiran dan memaklumkan GPK jika tidak dapat hadir.

Makluman

4.2.10 Bagi murid yang mahu memakai pakaian seragam pengakap, ia perlu lengkap dan kemas.

Makluman

4.2.11 Guru digalakkan membuat mini pertandingan dan menghantar kertas kerja kepada GPK.

Makluman

4.3 Perancangan Kokurikulum 2013 (Sekolah/ Daerah)

4.3.1 Perancangan strategik untuk kelab dan persatuan perlu dibuat mengikut sasaran guru dan keupayaan murid.

Makluman

4.3.2 Surat penubuhan yang lengkap perlu diserahkan pada 22 Jan 2012. Guru boleh merujuk fail dalam bilik fail.

Tindakan: Semua penyelaras

4.3.3 Takwim Kokurikulum PPPDKP bagi tahun 2013 amat padat.

Makluman

4.3.4 Takwim akan diedar kepada setiap guru untuk memilih acara yang ingin disertai dan melatih murid mengikut kesesuaian masa.

Makluman

4.3.5 Pemilihan murid untuk menjadi wakil perlu diadakan secara mini pertandingan untuk mengelak daripada berlakunya salah faham.

Tindakan: Semua guru

5. **Hal-hal lain**

- 5.1 Papan kenyataan Kokurikulum telah disediakan dan diminta guru menampal bahan yang berkaitan, jika ada.

Makluman

- 5.2 Pnyelaras Kelab PEMASA mencadangkan agar perkhemahan di sekolah dapat diadakan sebagai persediaan murid untuk menyertai jambori anjuran luar.

Tindakan : GPK Koku

- 5.3 Sumbangan kejohanan sukan 2012 berjumlah RM6000.00. Semoga guru dapat bekerjasama untuk mencari sumbangan yang lebih banyak bagi program tahun ini.

Makluman

6. **Penutup**

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas semua idea yang telah disumbangkan untuk menjayakan Unit Kokurikulum SKUB bagi tahun 2013.

Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.35 pagi.